

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 21 Jun 2016 17:24
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Madya Dr. Haim Hilman bin Abdullah
Subject: IPQ ANJUR PERKONGSIAN TEKNIK MEMPEROLEH ANUGERAH 5S/QE MPC



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



21 JUN 2016/ 16 RAMADHAN 1437H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

IPQ ANJUR PERKONGSIAN TEKNIK MEMPEROLEH ANUGERAH 5S/QE MPC



IPQ ONLINE – Pada 21 Jun 2016 (Isnin), Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) menganjurkan Program Latihan Eksekutif ‘Teknik Memperoleh Anugerah 5S/QE MPC’ di IPQ, UUM. Seramai 40 peserta yang dipertanggungjawabkan menjayakan agenda 5S dari pelbagai jabatan dan PTJ dalam UUM telah menyertai bengkel ini.

Dalam ucapan aluan, Pengarah IPQ Prof. Madya Haim Hilman Abdullah memaklumkan bahawa agenda 5S ini mampu menjadi antara tunjang utama Pelan Transformasi UUM. “Tuan-tuan dan puan-puan adalah ejen perubahan yang selama ini dinanti-nantikan oleh jabatan masing-masing dan di atas sebab itu berilah komitmen terbaik dalam usaha merealisasikan agenda 5S ini yang mana dalam tempoh 3 tahun kita berharap keseluruhan kampus UUM memperoleh Sijil 5S/QE MPC,” ujarnya.

Bengkel ini adalah untuk membimbing para peserta mengetahui teknik mudah dan terbaik dalam usaha menyediakan dokumen—dokumen penting untuk Pensijilan 5S/QE Malaysian Productivity Corporation (MPC). Bengkel ini juga memberi pendedahan kepada para peserta kaedah Amalan Persekitaran Berkualiti 5S/QE terbaik iaitu sehingga mampu menjadikan 5S/QE sebagai asas utama pembentukkan persekitaran kerja yang kondusif dan berdaya saing.

Bengkel ini dikendalikan oleh Dr. Noor Hasmini Binti Abd Ghani, Timbalan Pengarah Bahagian Sistem Kecemerlangan Kualiti bersama Puan Rozaime Ilyas, Pengurus 5S IPQ. Puan Rozaime turut berkongsi pengalaman dan cara penyediaan bahan fail mengikut jawatankuasa 5S. Menurut salah seorang peserta bengkel ini, perkara yang paling menarik dalam bengkel ini adalah perkongsian maklumat mengenai aspek inovatif dalam pelaksanaan Amalan 5S dan juga perkongsian maklumat lengkap bagi penyediaan dokumentasi 5S jabatan. Sesi lawatan 5S turut diadakan bagi peserta lebih memahami Amalan 5S yang dilakukan oleh IPQ.

IPQ mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua peserta atas kepercayaan yang diberikan untuk bersama-sama berkongsi Agenda 5S ke arah Pensijilan MPC.

Habis.



=====

**INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN.**

**FOCUSED. ACCURATE. SHARP. TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS**

TEL. : 04 - 928 4653/4656/4658

FAKS :04 - 928 4660

E-MEL : ipq@uum.edu.my

<http://ipq.uum.edu.my>